

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**MAJLIS DAERAH SIK**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset ( kenderaan ) seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Tahun	Kuantiti	Harga Simpanan RM	Deposit RM	Lokasi
1.	Kereta - Perdana V6 Automatik KBL 2300	2001	1	7,500.00	750.00	Garaj MD.Sik

2. Aset boleh dilihat pada **hari bekerja ( Ahad hingga Kamis )** di antara jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari di lokasi yang disenaraikan.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4 dengan bayaran sebanyak RM10.00 ( Malaysia Ringgit: Sepuluh sahaja). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga MDS/PA/SH02/2019 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
08200 – SIK  
KEDAH DARUL AMAN.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **14hb. April, 2019 jam 12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

T.T

.....  
**(DATO' HAJI BUKHARI BIN ABDULLAH, DSDK., AMK., BCK.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Sik,  
Kedah Darul Aman.

Cap:

## **SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi **setiap aset**. Deposit Sebut harga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos / Draf Bank / jaminan Bank** atas nama **Majlis Daerah Sik**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Majlis Daerah Sik berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.
9. Jualan kenderaan adalah berdasarkan prinsip “ mengikut keadaan asalnya” tanpa boleh menuntut sebarang kos pembaikan, penyelenggaraan dan kos penukaran hak milik dari pihak Majlis Daerah Sik.

**Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Sik,  
Kedah Darul Aman.**

